

■ Wanita rakam aksi cemas suami, adik ipar selamat haiwan kepenatan hampir lemas

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my
Alor Gajah

Sseekor lembu betina hampir lemas selepas terjatuh ke dalam kolam renang di belakang kediaman seorang penduduk di Kampung Londang, Masjid Tanah, di sini, 6 petang kelmarin.

Lembu betina dianggarkan berusia setahun itu dipercayai merayau dalam kawasan rumah berkenaan sebelum terjatuh ke dalam kolam dengan kedalaman 1.3 meter.

Pemilik rumah berusia 36 tahun yang enggan dikenali turut merakam aksi cemas suami dan adik ipar lakinya berusaha menyelamatkan lembu betina terbabat daripada lemas menggunakan telefon bimbitnya melalui video berdurasi dua minit 26 saat.

Wanita itu berkata, kejadian itu disedari anak saudara perempuannya berusia tujuh tahun sebelum menjerit 'ada lembu mandi' da-

lam kolam renang menyebabkan suami dan adik iparnya bergegas untuk melihat apa sebenarnya sedang berlaku.

"Kami amat terkejut dengan kejadian itu, lembu terbabat kelihatan kepenatan kerana menghabiskan tenaga untuk memanjat keluar serta hampir lemas manakala keseluruhan badannya ditenggelami air.

"Risau haiwan itu lemas kami tidak menunggu lama dan berusaha mengeluarkannya dari kolam, namun usaha itu bukan mudah kerana lembu yang berada dalam keadaan panik," katanya.

Menurutnya, haiwan itu berjaya dikeluarkan dari kolam kira-kira 10 minit kemudian selepas suaminya memegang telinga sebelum menarik kaki lembu terbabat ke tepi kolam sebelum ia melompat keluar.

"Sebelum kejadian haiwan itu dipercayai meragut rumput di belakang rumah abang saya, sebelum me-

lompat melepasi tembok konkrit setinggi 1.2 meter lalu memasuki kawasan rumah dan terjatuh ke dalam kolam mandi.



saksikan video di
www.youtube.com/hmetromy



DUA lelaki menarik lembu keluar dari kolam renang.

KEADAAN lembu ditemui dalam kolam renang.



Lembu 'mandi' kolam